

# Sukan



**KESAL TIDAK SERANG LEBIH AWAL:** Muhammad Ridhwan Selamat (*kiri*) tewas kerana tidak agresif lebih awal lagi terhadap peserta Indonesia Nur Awaluddin. – Foto M.O. SALLEH

► **HAKIM YUSOF**  
hakimy@sph.com.sg

SINGAPURA masih memburu pingat emas pertama acara silat apabila langkah dua pesilatnya, Muhammad Ridhwan Selamat dan Irham Mustafa Kamal, berakhir setakat di hari pertama pertandingan semalam.

Ridhwan kalah kepada peserta Indonesia, Nur Awaluddin, sementara Irham ditewaskan peserta dari Vietnam, Vo Duy Phuong, di peringkat suku akhir acara silat yang berlangsung di Dewan 2 Singapore Expo.

Bertanding dalam kategori tanding kelas A (45-50 kilogram), Ridhwan tewas dengan keputusan 0-5.

Mustafa, yang beraksi dalam kategori tanding kelas B (50-55 kg) pula, tewas dengan keputusan 4-1.

Diminta mengulas persembahannya dalam perlawanan itu, Ridhwan berkata beliau menyesal tidak lebih agresif dan menyerang pada peringkat lebih awal.

“Strategi saya adalah memerhatikan gerak-gerinya dahulu. Malah, sebelum perlawanan saya sudah kaji Awaluddin dan beliau seorang yang tangkas membuat tendangan gunting,” katanya yang kelihatan kecewa dengan kekalahan beliau.

Ridhwan meluahkan rasa kecewa ekoran kekalahan itu kerana menyifatkan temasya Sukan SEA ini ibarat

## SILAT

# Ridhwan dan Irham gagal mara

sebesar ‘Sukan Olimpik’.

Bagi Irham pula, beliau amat gementar walaupun sudah memberikan yang terbaik dalam perlawanannya.

“Beliau (Vo Duy Phuong) suka mempertahankan diri dan saya juga membuat kesilapan tidak menyerangnya. Saya rasa amat gementar kerana markah kami tidak jauh.

“Jadi, pada pusingan terakhir saya teragak-agak menyerang kerana tidak mahu hilang markah,” kata pesilat berusia 17 tahun itu.

Jurulatih pasukan, Muhammad Fiqri, berharap mereka dapat mempelajari daripada kekalahan ini.

Dalam acara silat regu puteri kelmarin, Singapura hanya memperoleh

pingat perak. Aksi silat diteruskan di Dewan 2 Singapore Expo hari ini.

► *Dua lagi pesilat Singapura, Muhammad Haziq Mohamad Yusli dan Nurul Shafiqah Mohamed Saiful, turut beraksi semalam. Laporan boleh didapati di BeritaHarian.sg*